

JAWAPAN:

Lazimnya permohonan pemerolehan kewarganegaraan Malaysia dikemukakan oleh mana-mana orang yang bukan warganegara iaitu dalam kalangan warga asing. Dalam hal ini, seseorang pemohon perlu memenuhi syarat-syarat permohonan seperti mana yang diperuntukkan di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Permohonan tersebut juga tidak direkodkan mengikut suku kaum warga asing berkenaan tetapi akan direkodkan berdasarkan negara asal pemohon sahaja.

Walau bagaimanapun, sekiranya persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat merujuk kepada usaha-usaha Kerajaan untuk mendokumentasikan penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak, maka Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sememangnya ada menyediakan kemudahan kepada pemohon untuk mengemukakan permohonan dokumen pengenalan diri melalui Unit Khas Bergerak (UKB) JPN.

Oleh itu jumlah permohonan dokumen pengenalan diri yang diterima oleh UKB bagi negeri Sabah semenjak tahun 2006 sehingga 2015 adalah sebanyak 38,121 permohonan. Bagi negeri Sarawak pula ia melibatkan 43,140 permohonan yang diterima oleh UKB dalam tempoh yang sama. Permohonan dokumen pengenalan diri yang diterima oleh UKB ini adalah seperti permohonan Sijil Kelahiran dan permohonan kad pengenalan.